

Wusyu bantu Fong Wei genggam ijazah

SERDANG 26 Okt. - Aktif bersukan dan mewakili negara dalam pelbagai kejohanan antarabangsa bukan penghalang buat atlet wusyu negara, Chai Fong Wei menamatkan pengajian sehingga ke peringkat sarjana.

Malah, atlet berusia 28 tahun itu berkata, wusyu banyak membantunya untuk meningkatkan daya ingatan dan fokus dalam pelajaran sejak mula menyertai skuad kebangsaan 13 tahun lepas.

Pemegang pingat perak Kejohanan Wusyu Dunia 2015 itu mendedahkan, aktiviti sukan telah menjadi nadi utamanya mem-

peroleh kecemerlangan dalam bidang akademik, sehingga membolehkannya menggenggam segulung ijazah.

“Masa kecil dahulu, ingatan saya kurang bagus tetapi sejak menyertai wusyu, ia sama sekali berubah.

“Dalam wusyu saya kena berlatih dan mengingati setiap pergerakan. Jadi dari situ, minda saya turut berlatih dan bergerak aktif sama.

“Ramai kata lepas bersukan, badan akan mengantuk tetapi pada saya sebaliknya kerana ia menjadikan badan saya lebih ak-

tif dan minda cerdas.

“Saya belum pernah mengantuk dalam kelas sewaktu guru mahupun pensyarah mengajar,” katanya yang memperoleh Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan pada majlis Konvokesyen Program Kerjasama Universiti Putra Malaysia-institut pengajian tinggi swasta (UPM-IPTS) di sini hari ini.

Hadir sama pada majlis tersebut, dua lagi atlet wusyu negara, Diana Bong dan Loh Jack Chang, yang masing-masing memperoleh Ijazah Sarjana Komunikasi Korporat dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan.